

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 14 JUN 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 7

## Kerangka statistik gaji secara suku tahun dibentang Ogos

### Kerangka statistik gaji secara suku tahun dibentang Ogos

**SUNGAİ BULOH** – Kerajaan akan membentangkan kerangka statistik gaji negara secara suku tahunan bermula Ogos ini selepas kajian menyeluruh dan sesi libat urus dibuat bersama pihak berkaitan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, cadangan kerangka tersebut akan dibawa ke mesyuarat Kabinet minggu ini sebelum dibentang ke Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Ogos depan.

Jelasnya, cadangan itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk mengurangkan jurang pendapatan rakyat yang masih berada di paras 36 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Kita mahu menyelesaikan nisbah pampasan gaji pekerja berbanding nilai ekonomi dijana KDNK yang masih lagi di belakng jika dibandingkan negara ekonomi setara dengan kita yang

sasaran sepatutnya 38 peratus.

"Tetapi lebih mendesak di negara ini ialah isu purata gaji rendah sebab itu saya sebut kerajaan akan mula terbitkan statistik gaji negara secara suku tahun itu sebahagian langkah yang kita tumpukan untuk menutup jurang gaji rendah," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Panduan dan Aplikasi Belanjawanku 2022/2033 di Menara KWSP, Kwasa Daman-

sara, di sini semalam.

Ujarnya, sebelum ini statistik berkenaan dibuat secara tahunan menerusi dasar gaji progresif.

Dalam pada itu, ketika ditanya sama ada data tersebut akan menimbulkan tekanan kepada majikan, Rafizi berkata, statistik itu membantu pekerja dan majikan mengenai penarafan gaji sesuai dengan ekonomi semasa.

"Sebenarnya statistik ini sebagai penanda aras kerana pasaran

pekerjaan adalah terbuka, contohnya satu bakat untuk sesuatu kerja tertentu adalah purata gaji industri itu dan tidak seharusnya ditawarkan gaji lebih rendah.

"Saya berharap di pasaran, ada persaingan kompetitif untuk 'biding of talent' kerana majikan berterusan tidak mahu menawarkan gaji lebih tinggi. Jika ini berlaku, sudah tentu mereka akan berdepan dengan masalah tenaga kerja," katanya.